

PERMOHONAN KEMASUKAN KE PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK YPKDT

Ibu bapa dan penjaga yang ingin menghantar anak ke Pusat Jagaan Kanak-kanak YPKDT, permohonan bagi kemasukan telah dibuka mulai **1 Julai 2019**.

Pendaftaran kemasukan ke Pusat Jagaan Kanak-kanak adalah terbuka kepada kanak-kanak berumur **4 tahun ke atas** dan keutamaan diberikan kepada kakitangan awam.

Lokasi bagi Pusat Jagaan Kanak-kanak YPKDT adalah di alamat **JKR 854, Jalan Petri, Johor Bahru, Johor**.

Hari dan Waktu beroperasi bagi Pusat Jagaan Kanak-kanak YPKDT adalah seperti berikut :

Ahad hingga Khamis (Kecuali cuti Am)

7.00 pagi hingga 2.00 petang

1.00 tengahari hingga 6.00 petang

Pemohon perlu mengisi borang permohonan dan perlu menyediakan dokumen seperti yang telah dinyatakan di dalam syarat-syarat kemasukan yang boleh di muat turun di laman Web YPKDT di www.ypkdt.org.my .

SYARAT KEMASUKAN KE PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK YPKDT

1. Kanak-kanak yang mempunyai status Warganegara Malaysia sahaja.
2. Terbuka untuk kanak-kanak berumur **4 Tahun dan ke atas**.
3. Kemasukan ke Pusat Jagaan Kanak-Kanak YPKDT akan dibuka mulai **November 2019**.
4. Borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman web Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (<http://www.ypkdt.org.my>).
5. Borang pendaftaran yang telah lengkap diisi beserta dokumen yang berkaitan hendaklah dihantar terus ke Pejabat Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT).
6. Pihak YPKDT akan mengeluarkan surat jawapan kepada ibubapa/penjaga kanak-kanak yang terlibat.

BAYARAN PENDAFTARAN DAN KADAR YURAN

Pendaftaran – RM50.00

Yuran Bulanan :

- Pra Sekolah & Sek. Kebangsaan sahaja – RM 170.00
- Sek. Kebangsaan & Sekolah Agama – RM150.00

Waktu tambahan – RM5.00 / ½ jam

Dokumen yang diperlukan :-

1. Salinan Sijil Kelahiran Kanak-kanak.
2. Salinan kad pengenalan ibu dan bapa/penjaga.
3. Salinan Sijil Nikah
4. Slip gaji ibu dan bapa/penjaga.
5. Dua (2) keping gambar kanak-kanak berukuran passport.
6. Rekod kesihatan kanak-kanak (untuk rekod vaksinasi)

PERMOHONAN KEMASUKAN KE TASKA YPKDT DAERAH PONTIAN

Ibu bapa dan penjaga yang ingin menghantar anak ke TASKA YPKDT Daerah Pontian, permohonan bagi kemasukan telah dibuka mulai **1 Julai 2019**.

Pendaftaran kemasukan ke TASKA YPKDT Daerah Pontian adalah terbuka kepada kanak-kanak berumur **2 hingga 4 Tahun** dan keutamaan diberikan kepada kakitangan awam.

Lokasi bagi TASKA YPKDT Daerah Pontian adalah di alamat **JKR 2046, Jalan Utama Taman Megah, 82000 Pontian, Johor**.

Waktu beroperasi bagi TASKA YPKDT Daerah Pontian adalah seperti berikut :

Ahad hingga Khamis (Kecuali cuti Am)

7.00 pagi hingga 6.00 petang

Pemohon perlu mengisi borang permohonan dan perlu menyediakan dokumen seperti yang telah dinyatakan di dalam syarat-syarat kemasukan yang boleh di muat turun di laman Web YPKDT di www.ypkdt.org.my .

Syarat Kemasukan ke TASKA YPKDT Daerah Pontian

1. Kanak-kanak yang mempunyai status Warganegara Malaysia sahaja.
2. Terbuka untuk kanak-kanak berumur **2 hingga 4 Tahun**.
3. Kemasukan ke TASKA YPKDT Daerah Pontian akan dibuka mulai **September 2019**.
4. Borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman web Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (<http://www.ypkdt.org.my>).
5. Borang pendaftaran yang telah lengkap diisi beserta dokumen yang berkaitan hendaklah dihantar terus ke Pejabat Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) Daerah Pontian.
6. Pihak YPKDT akan mengeluarkan surat jawapan kepada ibubapa/penjaga kanak-kanak yang terlibat.

BAYARAN PENDAFTARAN DAN KADAR YURAN

Pendaftaran – RM50.00


Yuran Bulanan – RM 220.00

Waktu tambahan – RM5.00 / jam

Dokumen yang diperlukan :-

1. Salinan Sijil Kelahiran Kanak-kanak.
2. Salinan kad pengenalan ibu dan bapa/penjaga.
3. Salinan Sijil Nikah.
4. Slip gaji ibu dan bapa/penjaga.
5. Dua (2) keping gambar kanak-kanak berukuran passport.
6. Rekod kesihatan kanak-kanak (untuk rekod vaksinasi)

Diluluskan oleh ;



(HAJI MOHD HELMI BIN DATO' HAJI SHA'RI @ SHANGARI)

Ketua Pegawai Eksekutif

Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim